



# Ciri-ciri Wahhabi Menurut Pandangan Muḥammad Abū Zahrah dalam *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*

RUSHDA AMIRAH BINTI ISHAK, WAN MOHD FAZRUL AZDI BIN WAN RAZALI

Universiti Sains Islam Malaysia

## ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai Wahhabiyyah berdasarkan pandangan Muḥammad Abū Zahrah dalam bukunya, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah Fī al-Siyāsah Wa al-‘Aqā’id Wa Tārīkh al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Muḥammad Abū Zahrah merupakan seorang ulama muktabar di Mesir yang memiliki kepakaran dalam bidang perundangan. Karya beliau yang menjadi rujukan utama makalah ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu politik, akidah dan fiqh. Beliau juga mengkhususkan satu topik membincangkan mengenai kemunculan gerakan baharu iaitu Wahhabiyyah, Bahā’iyyah dan Qādiyaniyyah. Makalah ini memfokuskan analisis pandangan Muḥammad Abū Zahrah terhadap Wahhabiyyah bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai kumpulan ini. Beliau menggariskan lapan ciri perilaku Wahhabi yang mana kesemua ciri ini saling berkait antara satu sama lain. Analisis ini turut mengemukakan pandangan Hersi Mohamad Hilole dalam bukunya yang bertajuk *al-Salafiyyah al-Wahhābiyyah Bayna Mu‘ayyidihā Wa Muntaqidihā* dan Naṣir ‘Abd al-Karīm al-‘Aql melalui penulisannya, *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Makalah ini juga menghuraikan hujah sokongan dan penolakan berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan oleh Muḥammad Abū Zahrah. Oleh itu, makalah ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian teks, yang secara khususnya tertumpu kepada kaedah analisis kandungan kepada skop Wahhabiyyah menurut pandangan Muḥammad Abū Zahrah. Hasil daripada kajian ini, terdapat tiga tema utama dapat dibentuk mengenai ciri-ciri Wahhabi seperti yang telah dibincangkan oleh Muḥammad Abū Zahrah. Ciri-ciri ini adalah pertama, tauhid dan ibadah. Kedua, sikap Wahhabi mengenai bidaah. Dan ketiga, sikap radikal golongan Wahhabiyyah dalam perkara agama sehingga mengkafirkan dan membunuh.

Kata kunci: Ciri-ciri, Wahhabi, Wahhabisme, Muḥammad Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*.

## PENGENALAN

Kehidupan masa kini menjadi semakin mencabar dengan kepesatan teknologi melalui akses media massa yang meluas. Hal ini memberikan peluang bagi setiap individu mengakses maklumat atau data secara bebas dan terdedah kepada pengetahuan yang bersifat benar atau pun palsu. Justeru perkara ini merupakan suatu bentuk kesukaran dalam menyampaikan berita dan pengetahuan yang benar kepada masyarakat awam. Terutamanya bagi individu Muslim mendapatkan gambaran yang jelas mengenai sesuatu isu agama. Hal ini berikutan sikap individu yang lebih gemar mendapatkan pemahaman yang jelas mengenai sesuatu isu melalui enjin carian Google berbanding mendapatkan nasihat daripada badan atau individu bertauliah.

Dalam pada masa yang sama, pihak kerajaan merangka pelbagai modus operandi dalam melahirkan ilmuwan dan cendekiawan yang berwibawa bagi mendidik masyarakat untuk kehidupan yang lebih baik demi kemajuan dan kesejahteraan negara. Hal ini juga turut dititik beratkan oleh institusi keagamaan di Malaysia. Para cendekiawan Islam turut menggunakan medium media massa dalam menyampaikan kebenaran agama Islam sebagai agama wahyu dengan hikmah berikutan demografi multi-etnik dan agama di Malaysia.

Namun, dalam manusia berlumba-lumba mencari hakikat kebenaran, ada beberapa pihak mengambil kesempatan untuk menyebarkan ajaran sesat. Natijahnya, kemunculan ajaran baru ini tumbuh dengan pesat dan kebanyakannya menghasilkan keuntungan atas nama agama. Selain itu, reformasi baru dan pemikiran politik Islam turut mendefinisikan gerakan aliran pemikiran baru seperti Wahhabiyyah. Membahas tentang gerakan ini, hal ini agak unik kerana masyarakat Malaysia lebih gemar berdebat dengan pemikiran sendiri sehingga menimbulkan sedikit perselisihan pendapat antara komuniti Muslim. Barangkali aliran ini menunjukkan beberapa perbezaan dalam persoalan ibadah daripada ritual keagamaan yang biasa dipraktikkan di Malaysia.

Masalahnya adalah apabila kita memiliki pengetahuan yang kurang mengenai isu ini tetapi kita masih terus berdebat tanpa mengetahui akarnya. Kita lebih selesa menatal media sosial untuk mendapatkan informasi tentang politik, agama, nasihat,



dan berita sehinggakan kita tidak pernah benar-benar melakukan penelitian yang tepat atau membaca makalah ilmiah yang ditulis oleh ahli akademik yang berwibawa. Jadi, apakah definisi Wahhabiyyah yang sebenar? Siapa mereka? Bagaimana untuk mengenali mereka? Apakah ada perbezaan antara Ahli al-Sunnah Wal Jamā'ah dan mereka? Makalah ini akan mengulas hal ini berdasarkan pemikiran Muḥammad Abū Zahrah yang ditulis dalam bukunya sebagai rujukan utama penulisan makalah ini.

## TINJAUAN LITERATUR

### Siapakah Muḥammad Abū Zahrah?

Beliau adalah Muḥammad bin Aḥmad bin Muṣṭafā bin Aḥmad yang dilahirkan pada 19 Mac 1898/1316 H di al-Mahallah, Mesir<sup>1</sup> dan dibesarkan oleh sebuah keluarga agamawan yang dihormati dan terkemuka di Mesir.<sup>2</sup> Beliau meninggal dunia pada hari Jumaat bersamaan 12 April 1974 di rumahnya yang terletak di Zaitun dan dikatakan pada ketika itu beliau sedang menulis jilid terakhir tafsir al-Qurān beliau.<sup>3</sup> Sepanjang hayatnya, beliau merupakan seorang yang sangat berdedikasi dan prihatin dengan kerjaya akademik beliau terutamanya dalam bidang perundangan. Salah sebuah karya beliau iaitu *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah Fī al-Siyāsah Wa al-'Aqā'id Wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah* telah dianggap sebagai karya agung beliau ataupun *magnum opus* yang menjadi rujukan pelbagai kelompok sarjana termasuk Barat. Kemuncak kerjaya beliau ialah apabila beliau dilantik sebagai ahli Akademi Penyelidikan Islam<sup>4</sup> yang berprestij di Universiti al-Azhar pada 1962 sehingga ke akhir hayat beliau pada 1974.<sup>5</sup>

### Apakah itu Wahhabiyyah?

Terdapat banyak pandangan tentang definisi dan sejarah Wahhabiyyah atau Wahhabisme dan pendirian mereka tentang beberapa isu yang membuat mereka kelihatan berbeza dan bercanggah dengan kumpulan aliran pemikiran Islam yang lain. Menurut Muḥammad Abū Zahrah, Wahhabiyyah muncul di gurun Arab sebagai reaksi kepada sikap pengkultusan dalam bentuk mencari keberkatan daripada orang tertentu serta mendekati diri kepada Allah melalui ziarah ke kubur mereka, di samping terhadap bidaah yang telah mendominasi pelbagai tempat keagamaan dan aktiviti duniawi. Wahhabiyyah muncul untuk melawan semua penyimpangan ini dan menghidupkan kembali mazhab Ibnu Taymiyyah.<sup>6</sup>

Menurut *Oxford Bibliographies*, Wahhabisme dengan tepat merujuk pada gerakan kebangkitan dan reformasi abad ke-18 yang dimulai di wilayah Najd, yang sekarang ini dikenali sebagai Arab Saudi oleh Muḥammad Abdul Wahhab, seorang sarjana agama dan perundangan Islam. Ciri-ciri ajaran Muḥammad Abdul Wahhab adalah melalui penekanannya pada tauhid (tauhid mutlak), penentangan terhadap syirik (mempersekutukan orang atau apa sahaja dengan Tuhan), dan setiap individu harus merujuk kembali secara langsung kepada al-Qurān dan Sunnah (sunnah nabi) untuk tafsiran (*ijtihad*).<sup>7</sup>

Dalam konteks kontemporari, Wahhabisme digunakan secara meluas untuk merujuk kepada pelbagai fenomena, termasuk Salafisme, Jihadisme, kepercayaan dan amalan keagamaan di Arab Saudi, tafsiran secara harfiah mengenai al-Qurān dan Sunnah, tafsiran Islam yang menumpukan kepada kebenaran amalan ibadah berbanding makna, dan umumnya sebarang bentuk penentangan atau berlawanan di seluruh dunia yang menggunakan istilah Islam atau Islam sebagai rujukannya. Mereka cenderung dikaitkan dengan ideologi *takfir* (mendakwa orang sebagai kafir), di mana sesiapa yang tidak bersetuju dengan tafsiran agama seseorang itu diisytiharkan sebagai kafir (orang yang tidak beriman) yang harus diperangi dalam jihad (perang suci atau *holy war*), dengan demikian mewakili penafsiran Islam yang sangat tidak bertoleransi. Perlu dicatat bahawa istilah Wahhabisme dan Wahhabi dianggap merendahkan atau memburukkan oleh Saudi di mana mereka menggelarkan diri mereka hanya sebagai seorang Islam.<sup>8</sup>

<sup>1</sup> Mohammad Hashim Kamali. 2015. "Muhammad Abu Zahrah". *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 1.

<sup>2</sup> Brodeur, P.C. 1989. *Contemporary Muslim Approaches to The Study of Religion: A Comparative Analysis of Three Egyptian Authors*. (Tesis Master). McGill University. hlm.19.

<sup>3</sup> Mohammad Hashim Kamali. 2015. "Muhammad Abu Zahrah". *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 2.


<sup>4</sup> Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah di Universiti al-Azhar.

<sup>5</sup> Mohammad Hashim Kamali. 2015. "Muhammad Abu Zahrah". *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 2.

<sup>6</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-'arabī. hlm. 199.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan 'Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 251.

<sup>7</sup> Delong-Bas, N. (2009, December 14). Wahhabism. Diakses daripada <http://www.oxfordbibliographies.com/view/document/obo-9780195390155/obo-9780195390155-0091.xml>.

<sup>8</sup> *ibid*.



Manakala, Blanchard melalui pandangannya dalam *The Islamic Traditions of Wahhabism and Salafiyah* mengatakan bahawa Wahhabisme adalah bentuk Sunni Islam yang berpegang teguh pada norma moral dan diamalkan di Arab Saudi dan Qatar walaupun ia kurang dilaksanakan secara tegas pada kemudiannya. Perkataan “Wahhabi” berasal daripada nama seorang sarjana Islam iaitu Muḥammad bin Abdul Wahhab yang tinggal di Semenanjung Arab pada abad ke-18 (1703-1791). Hari ini, istilah “Wahhabisme” digunakan secara meluas di luar Semenanjung Arab untuk merujuk kepada gerakan Sunni Islam yang berusaha untuk mensucikan agama Islam daripada sebarang bidaah atau amalan yang menyimpang daripada ajaran Nabi Muḥammad SAW dan para sahabat pada abad ke-7. Walau bagaimanapun, di sebahagian besar negara yang penduduknya Muslim, mereka yang percaya dengan kepercayaan ini atau memiliki perspektif yang sama lebih suka menggelar diri mereka sebagai “Unitarians” (*muwahhidūn*) atau “Salafiyun”. Istilah *Salafiyun* berasal daripada perkataan salaf yang bermaksud mengikut atau mendahului merujuk kepada pengikut dan sahabat Nabi Muḥammad SAW.<sup>9</sup>

**Isi Kandungan *Tārīkh al-Maḍhāhib al-Islāmiyyah Fī al-Siyāsah Wa al-‘Aqā’id Wa Tārīkh al-Maḍhāhib al-Fiqhiyyah***  
Muḥammad Abū Zahrah menulis bukunya, *Tārīkh al-Maḍhāhib al-Islāmiyyah Fī al-Siyāsah Wa al-‘Aqā’id Wa Tārīkh al-Maḍhāhib Al-Fiqhiyyah* yang mengandungi lebih daripada 700 halaman. Beliau membahagikan isi kandungan buku tersebut kepada tiga bahagian iaitu politik, akidah dan fiqh. Beliau mendedikasikan sebuah bab yang khusus mengenai mazhab yang baru muncul (beberapa aliran moden) di mana beliau membincangkan mengenai Wahhabiyyah, Bahā’iyyah, dan Qādiāniyyah. Beliau mengkritik secara tegas mengenai Bahā’iyyah dan Qādiāniyyah yang menurutnya beberapa kepercayaan mereka telah terkeluar daripada Islam. Mohammad Hashim Kamali dalam artikelnya tidak membahas mengenai hal ini tetapi beliau mengulas mengenai Wahhabiyyah berdasarkan penulisan Muḥammad Abū Zahrah.

## KAEDAH KAJIAN

Makalah ini secara asasnya menggunakan kaedah kajian teks secara kualitatif iaitu analisis penyelidikan perpustakaan. Ia melibatkan penggunaan sumber pertama dan sumber kedua. Sumber pertama bagi makalah ini ialah al-Qurān al-Karīm, al-Hadith al-Sharīf dan karya penulisan Muḥammad Abū Zahrah iaitu *Tārīkh al-Maḍhāhib al-Islāmiyyah Fī al-Siyāsah Wa al-‘Aqā’id Wa Tārīkh al-Maḍhāhib Al-Fiqhiyyah*. Manakala sumber kedua merupakan buku, jurnal akademik, artikel dan kajian tesis lepas yang berkaitan dengan Wahhabiyyah. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber yang penting bagi mengumpulkan maklumat dan pemahaman mengenai isu Wahhabiyyah. Makalah ini juga akan menggunakan kaedah analisis dan deskriptif untuk menganalisis perspektif Wahhabiyyah antara sarjana Wahhabi dan bukan Wahhabi berdasarkan pandangan Muḥammad Abū Zahrah. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan penjelasan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai Wahhabiyyah.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Ciri-ciri Wahhabiyyah Menurut Pandangan Muḥammad Abū Zahrah

Muḥammad Abū Zahrah mengemukakan lapan karakteristik yang menunjukkan perilaku Wahhabiyyah di dalam bukunya. Lapan karakteristik ini saling berkait antara satu sama lain dalam menjelaskan tindakan dan perilaku Wahhabi terhadap orang lain dan diri mereka sendiri. Dengan demikian, perbincangan mengenai ciri-ciri ini adalah bahagian yang sangat penting dalam makalah ini.

#### **1. Mereka tidak cukup dengan menetapkan ibadah sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam dalam al-Qurān dan Sunnah menurut pandangan Ibnu Taymiyyah. Mereka menghendaki supaya tradisi juga tidak boleh keluar daripada lingkup Islam.<sup>10</sup>**

Melalui ciri ini, terdapat tiga isu yang dijelaskan oleh Muḥammad Abū Zahrah. Pertama, boleh dikatakan bahawa Wahhabi telah melampaui batas dalam melakukan ibadah seperti yang dianjurkan oleh al-Qurān dan Sunnah dan juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Taymiyyah sendiri. Tetapi mereka tidak membawa pemikiran baru mengenai akidah sebaliknya mengamalkan pandangan Ibnu Taymiyyah dalam bentuk yang lebih keras berbanding dengan apa yang dipraktikkan oleh Ibnu

<sup>9</sup> Blanchard, C. M. 2008. “The Islamic Traditions of Wahhabism and Salafiyah”. *CRS Report for Congress*. n.pl: n.pb. (RS21695): January. hlm. 1-2.

<sup>10</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Maḍhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Maḍhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘arabī. hlm. 199.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 5.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 251.



Taymiyyah sendiri.<sup>11</sup> Hal ini berikutan mereka menjadikan hal adat dan tradisi juga dinilai dalam rangka ibadah. Tetapi, Muḥammad Abdul Wahhab dan pengikutnya mengisytiharkan kesetiaan mereka terhadap *al-Firqah al-Nājiyyah* (orang yang selamat) yang merujuk kepada Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah<sup>12</sup> dalam kepercayaan, kata-kata dan perbuatan. Jadi, sekiranya mereka benar-benar mengikut manhaj tersebut, adalah mustahil untuk mengatakan mereka berlebihan dalam perkara ibadah kerana bertentangan dengan ajaran manhaj tersebut.<sup>13</sup>

Kedua, ketegasan mereka dalam pengharaman rokok telah menyebabkan orang awam dalam kalangan mereka menganggap perokok sebagai orang musyrik. Hal ini membawa kepada isu yang ketiga iaitu perbuatan mereka telah menyerupai golongan Khawarij. Muḥammad Abū Zahrah menyatakan bahawa Wahhabi menggesa orang Islam mematuhi setiap perkara yang telah termaktub dalam Islam termasuk dalam hal yang berkaitan dengan adat dan tradisi. Justeru, mereka mengharamkan rokok secara keras sehingga membuatkan orang awam daripada golongan mereka menganggap perokok sebagai orang musyrik. Natijahnya, mereka menyerupai Khawarij yang mengkafirkan pelaku dosa besar.<sup>14</sup>

Muḥammad Abdul Wahhab menyangkal dakwaan ini dengan mengatakan bahawa, “siapa yang mendakwa ia dikatakan oleh aku, dia ialah pendusta. Selain itu, mereka harus dihukum dengan berat sebagai pencegahan atas perbuatan mereka kerana hal itu bertentangan dengan al-Qurān dan Sunnah. Menuduh seseorang sebagai orang kafir kerana mereka melakukan dosa adalah manhaj Khawarij yang tidak termasuk dalam Islam. Mereka menganggap darah Muslim diizinkan (harus dibunuh) kerana dosa-dosa mereka.<sup>15</sup> Berdasarkan pernyataan di atas, boleh dikatakan bahawa ciri ini merupakan tuduhan terhadap Muḥammad Abdul Wahhab dan pengikutnya. Tetapi berkemungkinan besar sebahagian daripada tuduhan tersebut benar-benar berlaku pada zaman tersebut dan dinukilkan oleh Muḥammad Abū Zahrah berdasarkan pemerhatian beliau terhadap gerakan ini pada zaman beliau dan sebelumnya.

## **2. Pada mulanya, mereka mengharamkan kopi dan apa sahaja yang menyerupainya ke atas diri mereka sendiri. Tetapi kelihatannya sesudah itu mereka menghalalkannya.<sup>16</sup>**

Muḥammad Abū Zahrah tidak memberikan penjelasan yang terperinci mengenai punca dan sebab mereka tidak berkeras dalam pengharaman kopi dan apa sahaja yang menyerupainya seiring dengan waktu yang berlalu. Dan mengapa mereka mengisytiharkan kopi sebagai haram? Sepanjang melakukan kajian mengenai isu ini, penulis mendapati bahawa terdapat kisah dan sejarah yang unik mengenai kopi. Tetapi, amat sukar untuk mendapatkan sumber yang sahih mengenai kisah tersebut dan bagaimana untuk mengaitkannya dengan isu ini.

Tetapi, terdapat sebuah artikel yang bertajuk *Ethiopia: The Origin of Coffee* yang dipetik daripada *Selamta*, sebuah majalah yang disediakan di dalam pesawat penerbangan Ethiopia telah membincangkan mengenai sejarah kopi ini. Petikan daripada artikel yang telah disunting oleh Nkiru Nzegwu<sup>17</sup> ini menyebutkan:

“Istilah Bahasa Arab untuk kopi ialah, *kahwah* merupakan antara perkataan yang merujuk kepada wain. Dalam proses pengupasan kulit ceri, ampas biji ceri itu ditapai untuk menghasilkan minuman keras yang kuat. Ada yang berpendapat bahawa al-Qurān melarang penggunaan wain atau minuman yang memabukkan, tetapi orang Islam lain yang meminati kopi berpendapat bahawa ia bukan minuman keras tetapi merupakan perangsang. Perselisihan tentang kopi ini muncul pada tahun 1511 di Mekah. Gubernur Mekah, Khayr Beg melihat beberapa orang meminum kopi di sebuah masjid ketika

<sup>11</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Ft Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-'arabī. hlm. 199.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 5.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan 'Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 251.

<sup>12</sup> Muhammad Abdul Wahhab berkata, “Aku bersaksi kepada Allah, para malaikat di sekelilingku dan terhadap kalian semua bahawa aku percaya dengan apa yang dipercayai oleh al-Firqah an-Najiyah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.”

<sup>13</sup> Naṣīr 'Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 105.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 91.

<sup>14</sup> *ibid*.

<sup>15</sup> Naṣīr 'Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 262.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 302.

<sup>16</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Ft Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-'arabī. hlm. 199.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 6.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan 'Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 251.

<sup>17</sup> Nkiru Nzegwu merupakan seorang Professor tetap di Jabatan Pengajian Afrika, Universiti Binghamton.



mereka membuat persediaan untuk solat pada waktu malam (*qiyām al-layl*). Dengan marah beliau mengusir mereka dari masjid tersebut dan memerintahkan semua kedai kopi ditutup.”<sup>18</sup>

Mungkin disebabkan oleh hal ini Wahhabi mengharamkan kopi dan yang semisal dengannya ke atas diri mereka pada waktu tersebut. Dan seiringan dengan zaman, mereka mula berlembut dengan fatwa yang dikeluarkan sekali gus membenarkan semula kopi ke atas diri mereka dan masyarakat umum.

**3. Mereka tidak berasa cukup dengan berdakwah. Mereka mempergunakan senjata untuk memerangi para penentang dengan anggapan bahawa mereka memerangi bidaah yang merupakan kemungkaran yang wajib diperangi.**<sup>19</sup> Muḥammad Abū Zahrah juga menjelaskan bahawa mereka berpegang kepada ‘menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran’ adalah wajib sebagai rangka mengamalkan firman Allah:<sup>20</sup>

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَأَمَّنَ أَهْلَ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾<sup>21</sup>

Maksudnya: *Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.* (110)

Berdasarkan dalil ini, Wahhabi mengatakan konsep ini perlu diterapkan dalam pemerintahan dan merupakan kewajipan dalam Islam sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qurān. Muḥammad Abdul Wahhab berkata, “Menurutku, adalah merupakan suatu kewajipan untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran berdasarkan ajaran Nabi Muhammad SAW. Hal ini juga dipersetujui oleh Muḥammad ibnu Abdul Lathif berdasarkan hadis daripada Rasulullah SAW:<sup>22</sup>

فَالأَوَّلُ: عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: مَنْ رَأَى مُنْكَرًا فَلْيَعِزَّهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ.<sup>23</sup>

Maksudnya: “*Barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman.*”

Kemudian, Muḥammad Abdul Wahhab menubuhkan sebuah kumpulan yang dikenali sebagai *al-Muthāwī‘ah* bagi melaksanakan prinsip menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. *Al-Muthāwī‘ah* terdiri daripada imam dan beberapa orang yang dihormati dan mereka mendatangi golongan yang tidak hadir solat berjemaah. Dan sekiranya selepas itu golongan tersebut masih meninggalkan solat berjemaah dalam tempoh yang berpanjangan, mereka akan diberikan peringatan dan teguran.<sup>24</sup>

Wahhabi menolak tuduhan bahawa mereka telah menggunakan senjata atau melancarkan perang ke atas musuh atau pihak lawan mereka bagi menentang bidaah yang merosakkan. Naṣir ‘Abd al-Karīm al-‘Aql berpendapat bahawa ini merupakan kaedah Wahhabi dalam melaksanakan perintah ‘menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran’ serta menegakkan undang-undang Islam untuk kebaikan ummah sebagaimana yang telah disyariatkan. Dan perlu dipatuhi bahawa

<sup>18</sup> Nkiru Nzegwu. t.t. “Ethiopia: The Origin of Coffee.” *Africa House*. <https://www.africaresource.com/house/news/our-announcements/21-the-history-of-coffee>.

<sup>19</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘Arabī. hlm. 199-200.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 6.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 251-252.

<sup>20</sup> ibid.

<sup>21</sup> Al-Qur’ān. Al-‘Imrān. 3:110.

<sup>22</sup> Naṣir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi’. hlm. 141-142.; Nashir Abdul Karīm al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 144.

<sup>23</sup> Al-Nawawiy, Abī Zakariyya Yahya ibn Sharaf. 2007. *Riḡād al-Ṣāliḥīn*. (comp.) Māhir Yāsīn al-Fahl. Beirut: Dār Ibn Kasīr. Bāb al-‘Amar Bi al-Ma’rūf Wa al-Nahī ‘An al-Munkar. hlm. 82. #184.

<sup>24</sup> Hersī Muḥammad Hīlūlih. 1996. *Al-Salafīyyah al-Wahhābiyyah Baina Mu‘ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd. hlm. 83.; Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?*. (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. hlm. 38.



membunuh pihak yang menentang merupakan salah satu jalan jihad yang boleh digunakan dengan bersyarat sekiranya tidak terdapat cara yang lebih baik untuk mengatasinya.<sup>25</sup>

Menurut Muḥammad Abū Zahrah, dalam kancah peperangan dan pertempuran pemikiran Wahhabiyyah diketuai oleh Ibnu Sa'ud<sup>26</sup> yang mendukung gerakan dakwah ini dan giat menyerukan pemikirannya dengan kekuatan pedang. Ibnu Sa'ud mengisytiharkan perbuatannya itu sebagai rangka menegakkan Sunnah dan memusnahkan bidaah. Berkemungkinan dakwah keagamaan yang menggunakan kekerasan ini merupakan suatu bentuk sikap pelecehan terhadap pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah. Dakwah yang berpusat di Riyadh ini berlangsung secara berterusan dengan sokongan kekuatan senjata. Natiujahnya, kerajaan Uthmaniyyah mengerahkan kekuatannya berhadapan dengan Wahhabi tetapi tidak berjaya mengalahkan mereka sehingga gabenor Mesir, Muhammad 'Ali turut campur tangan. Ekoran daripada itu, mereka berjaya mengalahkan golongan Wahhabi dan tenteranya yang kuat setelah beberapa siri pertempuran. Pada ketika itulah kekuatan senjata mereka surut dan tinggal beberapa kabilah sahaja.<sup>27</sup>

Boleh juga dikatakan bahawa gambaran terhadap gerakan ini tidak begitu jelas kerana pada zaman tersebut keadaan situasi politik Najd tidak memihak kepada mereka. Menurut Hersi Mohamad Hilole, ia sangat jelas bahawa penduduk Najd berhadapan dengan kesukaran sebelum kemunculan Wahhabiyyah. Mereka berhadapan dengan banyak penindasan daripada pemerintah dan penjajahan kuasa oleh Hijaz. Keadaan bertambah dahsyat apabila kerajaan Uthmaniyyah tidak mepedulikan mereka dan hanya sekali-sekala memberikan perhatian samada secara langsung ataupun tidak langsung.<sup>28</sup>

Manakala Naşir 'Abd al-Karim al-'Aql di dalam bukunya memetik kata-kata Ajil Jasim an-Nasymi berkata, "selepas membuat analisis ke atas isu ini secara teliti, kami dengan tegas menyimpulkan bahawa tiada sebarang bentuk penentangan terhadap pemerintahan khalifah di dalam gerakan dakwah Muḥammad Abdul Wahhab melainkan kritikan dan pandangan konstruktif beliau terhadap pemerintahan mereka."<sup>29</sup>

#### **4. Setiap kali menduduki suatu desa atau kota, golongan ini menghancurkan dan memusnahkan perkuburan. Mereka juga menghancurkan masjid yang berada dalam kawasan perkuburan.<sup>30</sup>**

Ciri ini membincangkan mengenai tindakan mereka yang memusnahkan perkuburan dan apa sahaja binaan yang terdapat padanya termasuk masjid. Akibat daripada perbuatan inilah sebahagian penulis Eropah menyebut mereka sebagai penghancur tempat-tempat ibadat. Barangkali pernyataan tuduhan tersebut agak berlebihan kerana perkuburan bukan tempat ibadat. Tetapi perlu diingati bahawa mereka juga menghancurkan masjid yang berada di samping perkuburan. Mereka menjadikan hadis nabi sebagai dalil tindakan mereka berdasarkan hadis yang menyebut Rasulullah mengingkari tindakan Bani Israel yang telah menjadikan sebahagian perkuburan nabi mereka sebagai masjid.<sup>31</sup>

Naşir 'Abd al-Karim al-'Aql tidak menolak dakwaan daripada penentang Wahhabi dan mengakui kesahihannya dengan menyebut bahawa usaha tersebut seharusnya dipuji dan tidak sepatutnya ditekam. Tetapi para penentang Wahhabi mencuba untuk mengelirukan kepercayaan orang awam dengan mengadakan pernyataan yang kuat untuk menimbulkan salah faham bahawa gerakan ini menentang bidaah atas dasar untuk menghina para nabi dan wali Allah.<sup>32</sup>

<sup>25</sup> Naşir 'Abd al-Karim al-'Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 244.; Nashir Abdul Karim al-'Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 281.

<sup>26</sup> Beliau merupakan nenek moyang keluarga Saudi yang berkuasa di kawasan Arab. Beliau juga merupakan besan kepada Muḥammad Abdul Wahhab dan pendukung mazhabnya.

<sup>27</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-'arabī. hlm. 199-200.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. "Muhammad Abu Zahrah". *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 6.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan 'Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 251-252.

<sup>28</sup> Hersi Muhammad Hilūlih. 1996. *Al-Salafiyah al-Wahhābiyyah Baina Mu'ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd. hlm. 51.; Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?*. (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. hlm. 12.

<sup>29</sup> Naşir 'Abd al-Karim al-'Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 304.; Nashir Abdul Karim al-'Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 360.

<sup>30</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-'arabī. hlm. 200.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. "Muhammad Abu Zahrah". *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 6.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan 'Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 252.

<sup>31</sup> *ibid*.

<sup>32</sup> Naşir 'Abd al-Karim al-'Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 231-232.; Nashir Abdul Karim al-'Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 260.



Hakikatnya, gerakan ini mengikuti Sunnah nabi Muḥammad SAW dan dalam masa yang sama tidak mempercayai sebarang bentuk bidaah, kejahatan, dan syirik berdasarkan dalil-dalil daripada al-Qurān dan Sunnah. Antara hadis sahih daripada ‘Ali ibnu Abī Thālib RA yang telah diriwayatkan oleh Aḥmad dalam Sunan Imam Aḥmad dan Muslim dalam Ṣaḥīḥ Muslim,<sup>33</sup> dan yang lain; diriwayatkan oleh Abī Hayyāj al-Asadiyyi berkata, berkata ‘Ali RA:<sup>34</sup>

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيرٍ، أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ، حَدَّثَنَا حَبِيبُ بْنُ أَبِي ثَابِتٍ، عَنْ أَبِي وَائِلٍ، عَنْ أَبِي هَيَّاجِ الْأَسَدِيِّ، قَالَ بَعَثَنِي عَلِيُّ قَالَ لِي أْبَعْنُكَ عَلَى مَا بَعَثَنِي عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ لَا أَدَعَ قَبْرًا مُشْرِفًا إِلَّا سَوَّيْتُهُ وَلَا تَمْتَلَأَ إِلَّا طَمَسْتُهُ.<sup>35</sup>

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abī Hayyāj al-Asadiyyi: berkata ‘Ali kepadaku: “Aku menyampaikan pesan Rasulullah SAW kepadaku bahawa jangan ditinggalkan patung-patung kecuali setelah engkau hancurkannya, begitu juga dengan kubur yang binaannya tinggi kecuali setelah engkau ratakannya.”

Justeru, hadis ini dengan jelas menunjukkan bahawa tindakan tersebut dilarang sama sekali dalam Islam melainkan sekiranya mereka bertujuan untuk menunjukkan rasa hormat terhadap para wali dan penghuni kubur sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Sunnah. Dan ia merupakan pendirian dan perilaku Ahli Sunnah Wa al-Jama’ah termasuk Muḥammad Abdul Wahhab dan pengikutnya.<sup>36</sup> Jelaslah bahawa mereka melakukan tindakan tersebut berdasarkan pemahaman mereka terhadap hadith nabi atas dasar mengikut Sunnah dan memerangi bidaah dalam bentuk yang sangat keras.

**5. Kekerasan mereka tidak berhenti sampai di situ sahaja kerana mereka datang dan menghancurkan perkuburan yang dijumpai mereka. Mereka memperbolehkan untuk menziarahinya dan ziarah itu cukup dengan mengucapkan “Assalāmu ‘Alaykum” kepada penghuni kubur itu.<sup>37</sup>**

Melalui ciri ini, terdapat dua isu yang disentuh oleh Muḥammad Abū Zahrah. Pertama, ketika pemerintahan Hijaz kembali ke tangan mereka, mereka menghancurkan semua perkuburan para sahabat dan meratakannya dengan tanah. Seheinggakan tiada perkuburan sahabat yang tampak jelas melainkan beberapa tanda yang menunjukkan terdapatnya perkuburan di situ.<sup>38</sup>

Hakikatnya, memang benar mereka menghancurkan hampir semua perkuburan para sahabat dan wali Allah yang diketemui oleh mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh Muḥammad Abdul Wahhab sendiri. Beliau berkata, “tindakan kami menghancurkan kubur Aishah dan sahabat yang lain sebanyak mana yang kami boleh kerana untuk membanteras perbuatan syirik kepada Allah dan ini bukan perkara kecil kerana pelaku dosa tersebut tidak akan diampunkan. Hakikatnya, perbuatan ini adalah lebih dahsyat daripada mempercayai bahawa Allah mempunyai anak. Kerana anak merupakan simbol kesempurnaan dalam diri manusia sedangkan syirik terhadap Allah adalah mengurangkan kebenaran-Nya dan seperti halnya bagi manusia juga. Allah berfirman di dalam al-Qurān:<sup>39</sup>

ضَرَبَ لَكُمْ مَثَلًا مِّنْ أَنْفُسِكُمْ هَلْ لَكُمْ مِّنْ مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِّنْ شُرَكَاءَ فِي مَا رَزَقْتُمْ فَأَنْتُمْ فِيهِ سَوَاءٌ تَخَافُونَهُمْ كَخِيفَتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ<sup>40</sup>(٢٨)

<sup>33</sup> Al-Azdiyyi, Abī Daud Sulaimān ibn al-Ash’as. 2009. *Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah. Bāb Taswiyyah al-Qubr. Juz’ 5: hlm. 124-125. #3218. Ṣaḥīḥ.  
<sup>34</sup> Naṣir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahnābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi’. hlm. 231-232.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 260-261.  
<sup>35</sup> Abī al-Husayn Muslim ibn al-Hujjāj. 2006. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār Thayyibah. Bāb al-Amr Bi Taswiyyah al-Qubr. Juz’ 1: hlm. 429. #969.  
<sup>36</sup> Naṣir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahnābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi’. hlm. 232.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 261.  
<sup>37</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Ft Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘arabī. hlm. 200.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 6-7.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 252.  
<sup>38</sup> *ibid*.  
<sup>39</sup> Naṣir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahnābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi’. hlm. 87.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 69-70.  
<sup>40</sup> Al-Qurān. Al-Rūm 30:28.



Maksudnya: *Dia membuat perumpamaan untuk kamu dari dirimu sendiri. Apakah ada diantara hamba-sahaya yang dimiliki oleh tangan kananmu, sekutu bagimu dalam (memiliki) rezeki yang telah Kami berikan kepadamu; maka kamu sama dengan mereka dalam (hak mempergunakan) rezeki itu, kamu takut kepada mereka sebagaimana kamu takut kepada dirimu sendiri? Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat bagi kaum yang berakal.* (28)

Berkenaan isu ini, penulis berpendapat bahawa perbuatan tersebut agak keterlaluan. Sewajarnya untuk menghalang perbuatan bidaah, dakwah perlu disampaikan kepada para pelaku bidaah secara langsung. Dengan kaedah tersebut, pelaku tersebut mendapat pengajaran dan insaf sekali gus memelihara peninggalan sejarah yang ada seperti makam para sahabat. Justeru, menghancurkan perkuburan para sahabat dan tokoh-tokoh Islam yang lain bukanlah penyelesaian terbaik kepada permasalahan tersebut malahan berkemungkinan menambahkan bilangan pelaku bidaah.

Kedua, mereka membenarkan orang menziarahi perkuburan tetapi cukup dengan sekadar mengucapkan “*Assalāmu ‘alaykūm*”.<sup>41</sup> Mungkin mereka bertindak begini kerana terdapatnya amalan meminta pertolongan daripada orang yang dah mati atau perkuburan orang soleh yang boleh menyebabkan syirik kepada Allah. Tetapi Wahhabi tidak melarang amalan tawassul secara keseluruhannya sebaliknya menegaskan supaya mesti melakukannya berdasarkan dalil al-Qurān dan Sunnah. Mereka mempercayainya samada daripada segi ideologi ataupun amalan. Sungguhpun begitu, mereka masih menentang perbuatan ini dalam rangka untuk membanteras perbuatan bidaah dan syirik.<sup>42</sup>

## 6. Wahhabiyyah memperhatikan dan melarang hal-hal kecil yang mengandungi unsur keberhalaan mahupun sesuatu yang membawa kepada keberhalaan seperti fotografi.<sup>43</sup>

Menurut Muḥammad Abū Zahrah, oleh yang demikian dapat ditemui mengenai hal-hal ini dalam pelbagai fatwa dan risalah yang ditulis oleh ulama mereka. Tetapi pemerintah atau pemimpin Wahhabiyyah tidak mengambil peduli dengan pendapat mereka mengenai hal ini. Malahan, mereka dengan secara terang-terangan menggantungkan gambar dan lukisan pada dinding rumah mereka.<sup>44</sup>

Pernyataan ini juga boleh disokong dengan kata-kata Ayman al-Yassini<sup>45</sup> yang mengatakan bahawa ulama Wahhabi telah mengeluarkan fatwa untuk menolak bahasa asing, geografi dan seni lukis dimasukkan di dalam silibus akademik. Kerana mereka berpandangan bahawa subjek-subjek tersebut mendedahkan atau membuka peluang untuk orang Islam mempelajari serta mengetahui agama orang kafir. Terutamanya, subjek geografi yang mengajarkan bahawa bumi ini berbentuk bulat atau sfera sedangkan di dalam al-Qurān, Allah berfirman:

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ مَّوْرُونَ ﴿١٩﴾<sup>46</sup>

Maksudnya: *Dan Kami telah menghamparkan bumi dan menjadikan padanya gunung-gunung dan Kami tumbuhkan padanya segala sesuatu menurut ukuran.* (19)

Manakala, lukisan atau potret telah dituduh sebagai menyerupai makhluk Allah.<sup>47</sup>

Barangkali fatwa tersebut dikeluarkan pada asalnya bertujuan untuk membanteras amalan penyembahan berhala. Tambahan pula, terdapat beberapa agama seperti Budhha dan Hindu telah melazimi perbuatan menggantung gambar atau lukisan dewa dan Tuhan mereka. Sedangkan di dalam Islam, terdapat sebuah hadith yang secara terang-terangan melarang keras

<sup>41</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘arabī. hlm. 200.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 6-7.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 252.

<sup>42</sup> Naṣir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzī’. hlm. 158.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 165.


<sup>43</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘arabī. hlm. 200.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 7.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 252.

<sup>44</sup> *ibid*.

<sup>45</sup> Ayman al-Yassini. 1990. *Al-Dīn wa al-Dawlah fī al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah*. London: Dār al-Sāqiy. hlm. 57-58.

<sup>46</sup> Al-Qurān. Al-Hijr 15:19.

<sup>47</sup> Hersī Muḥammad Hīlūlih. 1996. *Al-Salafīyyah al-Wahhābiyyah Baina Mu‘ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd. hlm. 87.; Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?*. (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. hlm. 41.



perbuatan tersebut. Jadi, berkemungkinan Wahhabi menjadikan hadis ini sebagai rujukan utama dalam mengeluarkan fatwa mereka berkenaan isu ini. Antara hadis tersebut yang diriwayatkan oleh Ummu al-Mukminin, Aishah RA:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ مُحَمَّدٍ، عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا . أَنَّهَا أَخْبَرَتْهُ أَنَّهَا اشْتَرَتْ مُرَقَّةً فِيهَا تَصَاوِيرٌ، فَلَمَّا رَأَاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ عَلَى الْبَابِ، فَلَمْ يَدْخُلْهُ، فَعَرَفْتُ فِي وَجْهِهِ الْكَرَاهِيَةَ، فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَتُوبُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى رَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَاذَا أَذْنَبْتُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَا بَأَلْ هَذِهِ التَّمْرِقَةَ " . قُلْتُ اشْتَرَيْتُهَا لَكَ لِتَفْعَدَ عَلَيْهَا وَتَوَسَّدَهَا . فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِنَّ أَصْحَابَ هَذِهِ الصُّورِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يُعَذَّبُونَ، فَيُقَالُ لَهُمْ أَحْيُوا مَا خَلَقْتُمْ " . وَقَالَ " إِنَّ الْبَيْتَ الَّذِي فِيهِ الصُّورُ لَا تَدْخُلُهُ الْمَلَائِكَةُ " .<sup>48</sup>

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Aishah, “Aku membeli sebuah bantal bergambar. Apabila Rasulullah melihat ia, dia berdiri di pintu dan tidak terus masuk ke rumah. Aku menyedari air mukanya berubah kelihatan seperti ada sesuatu yang tidak disukainya. Aku berkata, “Wahai Rasulullah, aku bertaubat kepada Allah dan Rasul-Nya, (tolong beritahu aku) apakah dosa ku?” Rasulullah berkata, “Ada apa dengan bantal ini?” Aku menjawab, “Aku membelinya untuk engkau agar dapat duduk dan bersandar padanya”. Rasulullah berkata, “Pembuat gambar ini akan diazab pada hari kiamat.” Rasulullah menambah, “Malaikat (pembawa rahmat) tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya terdapat gambar.”

Namun demikian, berdasarkan soalan Hukum Gantung Gambar yang dijawab oleh Felo Hukum JAKIM berpendapat menggantung gambar manusia atau binatang di tempat yang dipandang mulia untuk dijadikan perhiasan seperti digantung di dinding atau dijadikan kain langsir, maka hukumnya adalah haram. Manakala jika sesuatu yang terdiri daripada gambar manusia atau binatang dijadikan hamparan atau alas, iaitu bukan tempat yang dimuliakan maka hukumnya tidak dilarang. Namun sekiranya gambar foto yang ditampal di dinding untuk tujuan makluman maka ia tidak dilarang kerana bukan bertujuan untuk perhiasan.<sup>49</sup>

### 7. Mereka memperluas pengertian bidaah secara ganjil sehingga mereka berpendapat bahawa memasang kain penutup pada Raudhah al-Sharifah merupakan bidaah.<sup>50</sup>

Disebabkan oleh inilah, mereka melarang menggantikan kain penutup tersebut dengan kain yang baru. Sehingga kain tersebut menyerupai kain buruk yang usang dan kotor pada pandangan mata. Sekiranya tiada *nūr* (cahaya) yang memancar pada diri orang yang berada di sisi nabi atau merasakan bahawa dia berada di tempat turunnya wahyu kepada pemimpin para rasul, nescaya dia akan memandang Raudhah dengan pandangan yang jijik.<sup>51</sup>

Menjawab kepada ciri ini, Wahhabi cuba untuk menjelaskan mengenai sifat bidaah berdasarkan Syariah. Muḥammad Abdul Wahhab berkata: “pada pandangan kami, bidaah adalah perbuatan yang telah muncul selepas abad ke-3 dan benar-benar tercela. Hal ini berbeza dengan sebahagian yang berpendapat bahawa terdapat bidaah yang baik dan tercela, atau membahagikannya kepada lima kategori. Melainkan sekiranya terdapat kemungkinan untuk menggabungkannya. Bidaah yang baik adalah sesuatu yang telah dilakukan oleh *Salaf al-Ṣālih* termasuk *al-Wājibah* (wajib), *al-Mandūbah* (makruh) dan *al-Mubāḥah* (sunat) yang secara kiasannya disebut bidaah. Sedangkan, bidaah tercela merupakan yang sebaliknya meliputi perkara yang dilarang dan yang tidak menyenangkan serta tiada larangan dalam menggabungkannya.”<sup>52</sup>

<sup>48</sup> Al-Bukhāriyy, Muḥammad ibn Ismā‘īl. 1980. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy*. Cairo: al-Matba‘ah al-Salafiyyah. Bāb al-Buyū‘. Juz’ 2: hlm. 90. #2105.

<sup>49</sup> Soal Jawab Felo Hukum. t.t. “Hukum Gantung Gambar”. *Sumber Maklumat al-Aḥkam al-Fiqhiyyah (e-SMAF)*. Diakses daripada [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/soal\\_jawab\\_felo\\_hukum/6](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/soal_jawab_felo_hukum/6).

<sup>50</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Ft Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘arabī. hlm. 200-201.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 7.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 252-253.

<sup>51</sup> *ibid*.

<sup>52</sup> Naṣīr ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi‘. hlm. 91.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 75.



Mereka juga menyatakan bahawa bidaah merupakan perbuatan mencipta perkara baru dalam hal keagamaan yang dikenali sebagai bidaah dan semua bentuk bidaah adalah sesat seperti mana yang tercatat dalam hadith nabi SAW. Maka, menjadi suatu kewajipan untuk menolak bidaah dan pelakunya termasuk mereka yang sudah terbiasa dengan bidaah tersebut.<sup>53</sup> Mungkin juga hal dilakukan atas sebab semangat dan tujuan mereka untuk membanteras bidaah bagi melindungi agama Islam sehinggakan mereka telah melampaui batas dalam mendefinisikan bidaah itu sendiri. Akibatnya, masyarakat mengelakkan diri dan menolak dakwah yang disampaikan oleh mereka.

Selain itu, ditemui bahawa ada di antara mereka beranggapan lafaz *sayyidina Muḥammad* oleh seorang muslim merupakan perbuatan bidaah yang dilarang. Mereka benar-benar telah melampaui batas dalam hal ini. Dalam gerakan dakwah mereka, mereka keras dalam perkataan sehingga ramai orang menjauhkan diri daripada mereka.<sup>54</sup> Dalam hal ini, mereka telah menolak pernyataan ini dengan mengatakan bahawa mereka hanya melarang pujian ke atas Rasulullah SAW dan bacaan zikir yang dianggap mengandungi bidaah oleh mereka sahaja. Oleh itu, mereka mendakwa itu hanya tuduhan ke atas mereka tetapi walau bagaimanapun, sekiranya terdapat unsur bidaah mereka akan menolaknya.<sup>55</sup>

#### **8. Wahhabiyyah telah merealisasikan pandangan Ibnu Taymiyyah serta bersikap keras dalam memperjuangkannya dan menyebut diri mereka sebagai golongan Salaf. Kemudian, mereka memperluas pengertian bidaah dan memandang beberapa hal yang tidak berhubungan dengan ibadah sebagai bidaah.<sup>56</sup>**

Bagi mengulas mengenai isu ini, boleh dikatakan bahawa Wahhabi benar-benar merealisasikan pandangan Ibnu Taymiyyah seperti yang disebut oleh Muḥammad Abū Zahrah di dalam ciri ini dan mereka menjadi terlalu ekstrem dalam melaksanakan pandangan tersebut. Mereka mengambil pendapat Ibnu Taymiyyah yang membicarakan mazhab orang-orang yang menyebut diri mereka sebagai kaum Salaf. Kemudian mereka memperluaskan pengertian bidaah sehinggakan hal yang tidak berkaitan dengan ibadah juga dianggap bidaah. Sedangkan bidaah ialah hal-hal yang dilakukan oleh seseorang sebagai sebahagian daripada ibadah dan menggunakannya untuk mendekati diri kepada Allah, walhal hal itu tidak ada sumber keagamaannya yang sah.<sup>57</sup>

Sebagai contoh, memasang kain penutup pada Raudhah. Tidak seorang pun mengatakan bahawa tindakan itu merupakan ibadah dalam segala bentuk. Mereka melakukan itu hanyalah untuk menghiasinya supaya orang yang memandang tertarik untuk melihatnya sebagaimana hiasan pada masjid Nabawi. Adalah sesuatu yang aneh apabila mereka ingkar dan menolak kain penutup itu, namun tidak menolak hiasan-hiasan pada masjid Nabawi padahal ini merupakan kotradiksi antara dua hal yang sama.<sup>58</sup>

Tetapi, Muḥammad Abdul Wahhab memiliki prinsip dan pandangannya yang tersendiri terhadap Ibnu Taymiyyah dan muridnya. Beliau berkata, “pada pandangan kami, Ibn Qayyim al-Jauzi dan gurunya merupakan ulamak Ahli Sunnah Wa al-Jamaah yang sejati dan hasil karya mereka sangat bagus. Tetapi, kami tidak selalu merujuk kepada pandangan mereka dalam semua aspek kerana tidak semua pendapat patut diterima dan ditolak melainkan yang berkenaan dengan nabi Muḥammad SAW. Dan kebanyakannya maklum bahawa kami juga berbeza pendapat dengan mereka dalam beberapa perkara. Antaranya dalam perbincangan talak tiga dengan sekali lafaz di mahkamah, kami memilih untuk mengikuti pandangan pengasas kepada empat mazhab fiqh. Dan kami juga menganggap amalan wakaf itu benar serta nazar diperbolehkan,”<sup>59</sup> Justeru, pemerhatian Muḥammad Abū Zahrah terhadap kumpulan ini adalah benar bahawa mereka mengambil pendapat Ibnu Taymiyyah yang tertentu sahaja.

Tambahan pula, Muḥammad Abdul Wahhab memiliki pendapat yang sedikit berbeza dengan Ibnu Taymiyyah dan ulama sebelumnya dalam beberapa aspek mengenai tauhid. Ibnu Taymiyyah membahagikan tauhid kepada tiga bahagian iaitu

<sup>53</sup> Naşir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi’. hlm. 143-144.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 146-147.

<sup>54</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t.. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Ft Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘arabī. hlm. 200-201.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 7.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 252-253.

<sup>55</sup> Naşir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi’. hlm. 91.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 75.

<sup>56</sup> Muḥammad Abū Zahrah. t.t.. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Ft Al-Siyāsah Wa Al-‘Aqā’id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘arabī. hlm. 201.; Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>. hlm. 7.; Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam. hlm. 253.

<sup>57</sup> *ibid.*

<sup>58</sup> *ibid.*

<sup>59</sup> Naşir ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi’. hlm. 93.; Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 78-79.



Tauhid Rububiyah (mengesakan Allah dalam hal penciptaan, kepemilikan, dan pengurusan), Tauhid Uluhiyyah (mengesakan Allah dan beribadat hanya kepada Allah) dan Tauhid Asma Wa Sifat (beriman dengan nama dan sifat Allah). Tetapi, Muḥammad Abdul Wahhab menjadikan perbincangan tauhid ini dengan lebih terperinci.<sup>60</sup>

Jadi, secara hakikatnya mereka tidak sepenuhnya merealisasikan pandangan Ibnu Taymiyyah dalam segenap aspek dan berlebihan dalam beberapa perkara. Sebagai contoh, mereka masih membuat tafsiran sendiri dan mempunyai prinsip yang tersendiri. Mereka mungkin telah merealisasikan pandangan Ibnu Taymiyyah tetapi tidak benar-benar mematuhi pandangan tersebut dan berkeras dengan pendapat mereka sendiri. Contohnya, Ibnu Taymiyyah tidak pernah mendakwa orang sebagai kafir, fasik dan pengkhianat melainkan terdapatnya bukti yang kukuh bagi mensabitkan tuduhan kafir ke atas individu tersebut. Walhal, Wahhabi kelihatannya agak mudah mengkafirkan orang apabila mereka berselisih pendapat. Bagaimanapun, isu ini memerlukan penelitian yang lebih mendalam kerana terdapat beberapa kontradiksi dalam perbincangan antara ilmuwan Wahhabi dan bukan Wahhabi.

### **Ciri-ciri Kontroversi yang melibatkan Wahhabiyyah**

Perbincangan ini merupakan rumusan daripada ciri-ciri Wahhabiyyah oleh Muḥammad Abū Zahrah. Berdasarkan ciri-ciri tersebut terdapat tiga tema yang menjadi perbincangan utama mengenai Wahhabi. Ciri tersebut ialah pertama, tauhid dan ibadah. Kedua, sikap Wahhabi mengenai bidaah. Ketiga, sikap radikal golongan Wahhabiyyah dalam perkara agama sehingga mengkafirkan dan membunuh. Makalah ini akan mengulas tiga tema ini menurut pandangan sarjana Wahhabi (memiliki dan cenderung terhadap fahaman Wahhabi) dan sarjana bukan Wahhabi (menentang Wahhabi atau bersikap neutral; tidak menolak dan menerima fahaman tersebut). Topik ini sangat penting untuk dibincangkan kerana terdapatnya kontradiksi di antara kenyataan Wahhabi dan yang menolak fahaman tersebut.

### **Ciri Pertama: Tauhid dan ibadah.**

Tauhid merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan individu Muslim kerana ia merupakan asas kepercayaan dan akidah dalam Islam. Maka, tauhid dan ibadah merupakan dua aspek yang sangat penting dan tidak boleh diasingkan dalam melaksanakan ibadah kepada Allah. Oleh itu, perbincangan mengenai tauhid sangat meluas dan memiliki banyak tafsiran definisi serta pembahagian yang dilakukan oleh pelbagai ulamak.

Manhaj Muḥammad Abdul Wahhab mengenai tauhid ini seiring dengan manhaj yang diperkenalkan oleh *al-Salaf al-Ṣāliḥ* sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qurān dan Sunnah.<sup>61</sup> Maka, beliau mendefinisikan tauhid sebagai mengesakan Allah sepenuhnya dalam semua perbuatan dan ibadah di mana semua Muslim wajib beriman hanya kepada Allah tidak akan menyekutukan-Nya. Kemudian beliau membahagikan tauhid kepada tiga bahagian; Tauhid Rububiyah, Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid Asma Wa Sifat.<sup>62</sup>

Di dalam pembahagian tauhid ini, Tauhid Uluhiyyah membawa maksud bahawa beribadah hanya kepada Allah semata-mata tanpa menyekutukan-Nya dengan yang lain. Jenis tauhid inilah yang membezakan keyakinan seorang Muslim dengan bukan Muslim di mana mereka meyakini bahawa terdapat Tuhan yang menciptakan alam semesta dan Dia lah yang menciptakan alam semesta dan semua makhluk-Nya (merujuk kepada Tauhid Rububiyah) tetapi mereka mengingkari akan keesaan Allah. Manakala Tauhid Asma Wa Sifat meliputi keyakinan terhadap semua sifat, zat dan nama-nama Allah sepertimana yang terkandung di dalam al-Qurān dan Sunnah serta yang digambarkan oleh Allah.<sup>63</sup>


Tetapi Asyairah tidak melihat terdapatnya manfaat dalam pembahagian Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid Rububiyah sebagaimana mereka berpendapat bahawa pembahagian tauhid ini tidak terdapat di dalam ajaran Islam. Abū Ḥamīd Marzūq mendefinisikan ibadah sebagai melakukannya dengan sepenuh hati dan kerendahan diri, dan kerendahan diri di sini merujuk kepada kepercayaan terhadap Tauhid Rububiyah. Justeru, sekiranya seorang individu melakukan ibadah tetapi tidak meyakini

<sup>60</sup> Hersi Muhammad Hilūlih. 1996. *Al-Salafiyah al-Wahhabiyyah Baina Mu'ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd. hlm. 57-60.; Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?.* (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. hlm. 18-19.

<sup>61</sup> 'Abd Allah Muḥammad 'Abd al-Muhsin al-Muthawwi'. 2011. *Al-Da'wah al-Iṣlāhiyyah: fī Bilād Najd 'alā Yarā al-Imām al-Mujaddid al-Sheikh Muḥammad 'Abd Wahhāb wa-A'lāmuhā min Ba'dihi*. Saudi: Dār al-Tadmuriyyah. hlm. 97.

<sup>62</sup> Muhammad Abdul Wahab. 2006. *Kasyfus Syubhat: mengikis segala keraguan dan kesamaran.* (terj.) Abdul Wahab Bustami. Johor Bahru: Pustaka Azhar. hlm. 24.

<sup>63</sup> *ibid.* hlm. 24-26.



dengan hati maka itu tidak dinilai sebagai ibadah di dalam undang-undang Islam. Jadi, individu yang meyakini akan Tauhid Rububiyah layak untuk diterima ibadahnya.<sup>64</sup>

Oleh itu, Tauhid Rububiyah dan penerimaan ibadah seseorang sangat berkait rapat dan mempunyai perkaitan. Tambahan pula, siapa yang mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dia mengakui tiada apa-apa yang layak disembah dan siapa yang mengakui tidak ada yang lain yang layak untuk disembah membawa maksud dia taat kepada tauhid ini; bahawa tiada Tuhan melainkan Allah. Konsep kedua ini merupakan realisasi kepada maksud perkataan لا إله إلا الله (tidak ada Tuhan melainkan Allah) di dalam hati setiap individu Muslim. Berdasarkan maksud ini, pembahagian tauhid kepada Tauhid Rububiyah dan Tauhid Uluhiyyah oleh Ibnu Taymiyyah dan Muḥammad Abdul Wahhab tidak membawa sebarang makna.<sup>65</sup>

### **Ciri Kedua: Sikap Wahhabi mengenai bidaah.**

Berdasarkan perbincangan ciri-ciri Wahhabi oleh Muḥammad Abū Zahrah, beliau menyatakan bahawa Wahhabi telah memperluaskan maksud bidaah (merujuk kepada bidaah yang merosakkan) dalam bentuk yang sangat aneh. Tetapi, sekiranya golongan Wahhabi tersebut merujuk kepada manhaj atau ajaran Muḥammad Abdul Wahhab, ia merupakan pernyataan yang sedikit bertentangan dengan pendapat beliau mengenai bidaah. Meskipun terdapatnya kontradiksi dengan pandangan Muḥammad Abdul Wahhab, pasti adanya sumber mengenai fenomena dan isu ini dalam kalangan Wahhabi dan kelompoknya pada masa itu sehinggakan Muḥammad Abū Zahrah menukulkan ciri ini di dalam penulisan beliau.

Manakala Muhammad Faqih Maskumambang<sup>66</sup> di dalam bukunya mengatakan bahawa propaganda atau kesesatan dan bidaah yang dibawa oleh Muḥammad Abdul Wahhab telah menyebabkan kemunculan agama baru dalam dunia umat Islam. Propaganda agama baru ini sangat jelas melalui kata-kata, perbuatan dan kenyataan Muḥammad Abdul Wahhab mengenai beberapa isu atau permasalahan. Tokoh ini juga menyatakan ciri lain bagi Wahhabi terutamanya berkenaan Muḥammad Abdul Wahhab sehinggakan beliau mendakwa Wahhabi dan pengasasnya telah terkeluar daripada Islam (kafir).<sup>67</sup>

Pendapat ini juga bertentangan dengan dakwah Muḥammad Abdul Wahhab sebagaimana Muḥammad Abū Zahrah tidak mendakwa Wahhabiyyah sebagai agama yang baru seperti mana beliau mendakwa al-Bahā'iyah dan al-Qādiyaniyyah telah terkeluar daripada Islam. Tetapi Muhammad Faqih Maskumambang menegaskan pendapat beliau terhadap Wahhabi dan beliau menukulkan sandaran kenyataannya terhadap kesesatan Wahhabi berdasarkan dua hadith yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Ahmad di dalam bukunya.<sup>68</sup>

Alawi al-Hadad juga merekodkan Muḥammad Abdul Wahhab turut menghalang umat Islam daripada membaca buku *Dala'il al-Khairat, rātib*, zikir, kisah mengenai kelahiran Rasulullah SAW dan bacaan selawat ke atas nabi di atas mimbar selepas azan. Kemudian beliau akan membunuh siapa sahaja yang melakukan perbuatan-perbuatan tersebut. Naṣir 'Abd al-Karīm al-'Aql bersetuju dengan pernyataan ini kerana perbuatan-perbuatan tersebut merupakan perkara bidaah dan ia merupakan tanggungjawab seorang ulamak, pemerintah dan siapa sahaja yang berani menegakkan kebenaran untuk menghalang kemungkaran dengan hikmah. Tetapi beliau menolak dakwaan bahawa Muḥammad Abdul Wahhab membunuh pelaku perbuatan tersebut.<sup>69</sup>

Muḥammad Abdul Wahhab menolak dakwaan ke atas dirinya bahawa beliau menganggap bacaan selawat kepada nabi sebagai bidaah dan menghalang bacaan zikir yang terdapat di dalam Sunnah. Beliau menjelaskan bahawa tuduhan tersebut merupakan fitnah ke atas dirinya dan pengikutnya tetapi beliau akan menghalang sekiranya membacakan al-Qurān; atau bacaan selawat kepada nabi; atau bacaan zikir; atau sebarang bacaan selepas mengumandangkan azan terutamanya pada malam Jumaat;

<sup>64</sup> Hersi Muhammad Hilūlih. 1996. *Al-Salafiyah al-Wahhabiyyah Baina Mu'ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd. hlm. 110-112.; Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?.* (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. hlm. 64-65.

<sup>65</sup> Hersi Muhammad Hilūlih. 1996. *Al-Salafiyah al-Wahhabiyyah Baina Mu'ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd. hlm. 112-113.; Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?.* (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. hlm. 65-66.

<sup>66</sup> Muhammad Faqih Maskumambang Gresik merupakan pengasas kepada Nahdlatul Ulama di Indonesia.

<sup>67</sup> Muhammad Faqih Maskumambang. 2015. *Menolak Wahabi: Membongkar Penyimpangan Sekte Wahabi; Dari Ibnu Taimiyah Hingga Abdul Qadir At-Tilimsani*. Surabaya: Sahifa. hlm. 87.

<sup>68</sup> *ibid*.

<sup>69</sup> Naṣir 'Abd al-Karīm al-'Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 192-193.; Nashir Abdul Karim al-'Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 207.



atau pada bulan Ramadhan; atau pada hari raya Aidil Fitri dan Aidil Adha. Kesemua perbuatan tersebut merupakan perbuatan bidaah yang mungkar.<sup>70</sup>

Maka, bidaah menurut Muḥammad Abdul Wahhab ialah perbuatan yang telah berlaku selepas abad ke-3 dan sangat tercela. Pandangan ini sangat berbeza dengan beberapa pendapat yang mengatakan terdapatnya bidaah yang baik dan tercela, atau mengkategorikannya kepada lima bahagian. Melainkan terdapatnya kemungkinan untuk menggabungkannya. Bidaah yang baik adalah sesuatu yang telah dilakukan oleh *Salaf al-Ṣālih* termasuk *al-Wājibah* (wajib), *al-Mandūbah* (makruh) and *al-Mubāḥah* (sunnat) yang secara kiasannya disebut bidaah. Sedangkan, bidaah tercela merupakan yang sebaliknya meliputi perkara yang dilarang dan yang tidak menyenangkan serta tiada larangan dalam menggabungkannya.<sup>71</sup>

Tetapi menurut al-Shafi'iy, bidaah terbahagi kepada dua iaitu bidaah yang baik (*maḥmūdah* atau *al-Ḥasanah*) dan bidaah yang jahat (*mazmūmah* or *al-Ḍalāl*). Bidaah yang baik adalah melakukan sesuatu yang baik dan tidak bertentangan dengan apa yang ditetapkan dalam al-Qurān dan Sunnah atau ijmak. Manakala, bidaah yang jahat adalah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan bidaah yang baik.<sup>72</sup>

Kesimpulannya, skop bidaah dan perbahasannya perlu difahami dengan sepenuhnya oleh setiap individu Muslim termasuk para ilmuwan sebagai langkah berjaga-jaga daripada berlakunya pertelingkahan hal agama dan kebudayaan bidaah dalam kalangan masyarakat Islam. Tambahan pula, Islam telah memberikan peluang dan pilihan kepada fuqaha dalam melakukan ijtihad bagi menjaga kesucian agama Islam berdasarkan peredaran zaman.<sup>73</sup>

### **Ciri Ketiga: Sikap radikal golongan Wahhabiyyah dalam perkara agama sehingga mengkafirkan dan membunuh.**

Bagi membincangkan isu ini pada konteks masa kini, Wahhabi merupakan antara topik utama yang diperdebatkan di seluruh dunia. Ada yang berpendapat bahawa gerakan ini merupakan gerakan ISIS atau IS dan disebut sebagai dalang di sebalik peristiwa 11 September yang berlaku di US. Hakikatnya, terlalu sukar untuk kita mencari sumber yang sahih di sebalik punca peristiwa ini berlaku akibat daripada terlalu banyak propaganda dan penipuan yang diwujudkan bagi mendiskriminasikan agama Islam.

Fakta yang dibawakan oleh para penentang gerakan Wahhabi kebanyakannya berkongsi isu yang sama. Oleh itu, hal ini membuatkan ramai orang tertanya-tanya dengan gerakan ini seperti mengapa mereka sanggup melakukan perbuatan tersebut. Sekiranya mereka benar-benar mahu menjaga dan menyampaikan ajaran *al-Salaf al-Ṣālih* melalui gerakan dakwah mereka, ini merupakan suatu fitnah yang sangat besar buat gerakan ini. Tetapi berikutan kenyataan yang direkodkan mengenai mereka memiliki ciri yang sama, kebarangkalian untuk hal tersebut benar-benar terjadi adalah tinggi dan terdapatnya beberapa bukti yang mensahihkannya.

Muḥammad Abdul Wahhab telah disebut sebagai seorang yang suka mengkafirkan orang dan mempercayai bahawa membunuh mereka, seorang Muslim adalah dibenarkan di dalam Islam. Maka, tuduhan ini telah menjadikan beliau menyerupai kumpulan Khawarij yang bersikap radikal.<sup>74</sup> Sulaiman Abdul Wahhab<sup>75</sup> juga menyebut saudaranya ini dan pengikutnya mendakwa individu yang tidak mengikuti ajaran mereka adalah kafir. Hersi Mohammad Hilole berkata, Muḥammad Abdul Wahhab tidak menolak tuduhan ini ketika menjawab tuduhan Sulaiman Abdul Wahhab ke atas dirinya. Akibatnya, peristiwa ini telah menjadi permulaan tersebarannya fitnah ke atas mereka sebagai suka mengkafirkan orang Islam.<sup>76</sup>

Walau bagaimanapun, Muḥammad Abdul Wahhab menegaskan bahawa terdapat dua perkara yang perlu diberi perhatian sebelum menuduh orang sebagai kafir. Pertama, terdapat dalil di dalam al-Qurān dan Sunnah yang menunjukkan perbuatan itu adalah kafir pada hakikatnya. Kedua, hukum mesti bersesuaian dengan individu tersebut selepas perbuatannya memenuhi syarat yang menjadikannya kafir dan tidak ada sebarang sebab untuk menghalang tuduhan kafir ke atasnya maka

<sup>70</sup> Nasir 'Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 91.; Nashir Abdul Karīm al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 75.

<sup>71</sup> ibid.


<sup>72</sup> Al-Baihaqī, Abū Bakr Aḥmad ibn al-Husayn. *Manāqibu al-Shāfi'iy*. Egypt: Dār al-Turāth. Vol. 1. p. 469.

<sup>73</sup> Mohd Hapiz Mahaiyadin. 2017. *Ini Mazhabku: Bagaimana Saya Beriltizam Dengan Mazhab*. Selangor: Inspirasi Media. hlm. 170.

<sup>74</sup> Nasir 'Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlyā lil-Nashr wal-Tawzi'. hlm. 241.; Nashir Abdul Karīm al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah. hlm. 276.

<sup>75</sup> Sulaiman Abdul Wahhab merupakan abang kepada Muḥammad Abdul Wahhab dan menentang ajaran yang dibawakan oleh adiknya.

<sup>76</sup> Hersi Muhammad Hilūlih. 1996. *Al-Salafiyah al-Wahhabiyyah Baina Mu'ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd. hlm. 141.; Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?*. (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. hlm. 91.



individu tersebut dianggap kafir. Syarat utama dan yang paling penting dalam menentukan masalah ini adalah pelaku menyedari bahawa dosanya atau tindakannya telah menjadikannya kafir. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah di dalam al-Qurān:<sup>77</sup>

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾<sup>78</sup>

Maksudnya: *Dan barangsiapa yang menentang Rasul sesudah jelas kebenarannya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mukmin, Kami biarkan ia berleluasa terhadap kesesatan yang telah dikuasainya itu dan Kami masukkan ia ke dalam Jahannam, dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali.* (115)

Mungkin beliau mengkafirkan orang berdasarkan karakteristik ini dan sebab mengapa beliau tidak menolak tuduhan Sulaiman Abdul Wahhab ke atasnya kerana beliau sememangnya melakukan perbuatan tersebut tetapi mungkin bukan dengan cara yang disebutkan oleh Sulaiman Abdul Wahhab. Tambahan pula, beliau turut membahagikan kafir kepada dua keadaan iaitu kafir di dalam perbuatan dan kafir di dalam kepercayaan. Maka, pertuduhan kafir ini merujuk kepada tindakan individu tersebut yang bermaksud dia tidak kafir daripada segi kepercayaannya kepada Allah dan masih dianggap sebagai Muslim.

Manakala, Ahli Sunnah Wa al-Jamaah menetapkan dua kaedah bagi menentukan individu tersebut sebagai kafir. Pertama, *Takfir Mutlak* yang bermaksud hanya menyatakan bahawa sesiapa sahaja yang melakukan sesuatu yang boleh menjadikannya kafir, maka hal itu akan menjadikannya kafir tanpa merujuk pada pelaku atau orang tertentu. Pernyataan ini difokuskan pada perbuatan atau ajaran bukan pada pelaku atau orang tertentu. Kedua, *Takfir Mu'ayyan*, kaedah ini menyebut nama orang tertentu yang telah kafir dan menyatakan secara langsung perbuatan individu tersebut yang telah menjadikannya kafir.<sup>79</sup> Justeru, kaedah dalam menentukan seseorang itu kafir perlu difahami dengan jelas agar kita terkeluar daripada melakukan dosa mengkafirkan orang yang tidak sepatutnya. Adalah lebih baik berpegang teguh kepada manhaj Ahli Sunnah Wa al-Jamaah daripada sudut pandang akidah daripada mengikuti gerakan yang kita tidak pasti kebenarannya.

## KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan kesemua lapan ciri Wahhabi yang disebut oleh Muḥammad Abū Zahrah dalam bukunya, *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Namun demikian, makalah ini tidak membincangkan ciri-ciri tersebut secara keseluruhan, terutamanya di dalam bab mazhab yang baru muncul (beberapa aliran moden). Makalah ini bermula dengan pengenalan diikuti tinjauan literatur yang menceritakan sedikit latar belakang Muḥammad Abū Zahrah, definisi Wahhabiyyah dan isi kandungan buku *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Kemudian makalah ini mengemukakan kaedah kajian yang digunakan. Seterusnya kepada bahagian utama makalah ini iaitu hasil kajian dan perbincangan.

Berdasarkan lapan ciri Wahhabi tersebut, terdapat tiga tema yang menjadi perbincangan utama mengenai Wahhabi. Ciri tersebut ialah pertama, tauhid dan ibadah. Kedua, sikap Wahhabi mengenai bidaah. Ketiga, sikap radikal golongan Wahhabiyyah dalam perkara agama sehingga mengkafirkan dan membunuh. Wahhabiyyah menyatakan pendirian gerakan mereka yang mendukung ajaran *al-Salaf al-Ṣāliḥ* tetapi ada sebahagian ulama tidak bersetuju dengan gerakan mereka yang melampaui batas dalam perkara bukan ibadat dan menjadikan kekerasan sebagai medium penyampaian dakwah. Walau bagaimanapun, Muḥammad Abū Zahrah tidak menolak ajaran gerakan ini tetapi beliau mengatakan bahawa mereka telah melampaui batas dalam gerakan dakwah mereka.

## RUJUKAN

### Sumber Pertama

Al-Qurān al-Karīm.

Al-Hadiith al-Sharīf.

Muḥammad Abū Zahrah. t.t.. *Tārīkh Al-Madhāhib Al-Islāmiyyah Fī Al-Siyāsah Wa Al-'Aqā'id Wa Tārīkh Al-Madhāhib Al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-'Arabī.

<sup>77</sup> Muhammad Abdul Wahab. 2006. *Kasyfus Syubhat: mengikis segala keraguan dan kesamaran.* (trans.) Abdul Wahab Bustami. Johor Bahru: Pustaka Azhar. hlm. 84-85.

<sup>78</sup> Al-Qur'ān. An-Nisā' 4:115.

<sup>79</sup> Mohd Aizam Mas'od. 2013. *Diskusi Isu Aqidah & Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). hlm. 59.



## Sumber Kedua

- ‘Abd Allah Muḥammad ‘Abd al-Muhsin al-Muthawwi’. 2011. *Al-Da‘wah al-Iṣlāhiyyah: fī Bilād Najd ‘alā Yarā al-Imām al-Mujaddid al-Sheikh Muḥammad ‘Abd Wahhāb wa-A‘lāmuhā min Ba‘dihī*. Saudi: Dār al-Tadmuriyyah.
- Abī al-Husayn Muslim ibn al-Hujjāj. 2006. *Ṣaḥīh Muslim*. Juz’ 1. Riyadh: Dār Thayyibah. Bāb al-Amr Bi Taswīyyah al-Qubr.
- Al-Azdiyyi, Abī Daud Sulaimān ibn al-Ash‘as. 2009. *Sunan Abī Dāwūd*. Juz’ 5. Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah. Bāb Taswīyyah al-Qubr.
- Al-Baihaqī, Abū Bakr Aḥmad ibn al-Husayn. *Manāqibu al-Shāfi‘īyy*. Vol. 1. Egypt: Dār al-Turāth.
- Al-Bukhāriyy, Muḥammad ibn Ismā‘īl. 1980. *Ṣaḥīh al-Bukhāriyy*. Juz’ 2. Cairo: al-Matba‘ah al-Salafiyyah. Bāb al-Buyū‘.
- Al-Nawawiy, Abī Zakariyya Yahya ibn Sharaf. 2007. *Riyād al-Ṣālihīn*. (comp.) Māhir Yāsīn al-Fahl. Beirut: Dār Ibn Kasīr. Bāb al-Amar Bi al-Ma‘rūf Wa al-Nahī ‘An al-Munkar.
- Ayman al-Yassini. 1990. *Al-Dīn wa al-Dawlah fī al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah*. London: Dār al-Sāqiyy.
- Blanchard, C. M. 2008. “The Islamic Traditions of Wahhabism and Salafiyya”. *CRS Report for Congress*. n.pl: n.pb. (RS21695): January.
- Brodeur, P.C. 1989. *Contemporary Muslim Approaches to The Study of Religion: A Comparative Analysis of Three Egyptian Authors*. (Tesis Master). McGill University.
- Delong-Bas, N. (2009, December 14). Wahhabism. Diakses daripada <http://www.oxfordbibliographies.com/view/document/obo-9780195390155/obo-9780195390155-0091.xml>.
- Hersi Mohamad Hilole. 2012. *Wahabi Sesatkah Mereka?*. (terj.) Muhammad Yusuf Khalid. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Hersī Muhammad Hīlūlih. 1996. *Al-Salafiyyah al-Wahhabiyyah Baina Mu‘ayyidihā Wa Muntaqidihā*. Madewa, Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd.
- Mohd Aizam Mas’od. 2013. *Diskusi Isu Aqidah & Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. 2017. *Ini Mazhabku: Bagaimana Saya Beriltizam Dengan Mazhab*. Selangor: Inspirasi Media.
- Mohammad Hashim Kamali. 2015. “Muhammad Abu Zahrah”. *Academia.edu*. Diakses daripada <https://hashimkamali.academia.edu/MohammadHashimKamali>.
- Muhammad Abdul Wahab. 2006. *Kasyfus Syubhat: mengikis segala keraguan dan kesamaran*. (terj.) Abdul Wahab Bustami. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Muḥammad Abū Zahrah. 1996. *Aliran Politik Dan ‘Aqidah Dalam Islam*. (terj.) Abd. Rahman Dahlan & Ahmad Qarib. Selangor: Penerbit Edaran kalam.
- Muhammad Faqih Maskumambang. 2015. *Menolak Wahabi: Membongkar Penyimpangan Sekte Wahabi; Dari Ibnu Taimiyah Hingga Abdul Qadir At-Tilimsani*. Surabaya: Sahifa.
- Nashir Abdul Karim al-Aql. 2006. *Hanya Islam Bukan Wahhabi*. (terj.) Abdur Rosyad Siddiq. Jakarta: Darul Falah.
- Naṣīr ‘Abd al-Karīm al-Aql. 2004. *Islāmiyyah Lā Wahhābiyyah*. Riyadh: Dār Kunuz Ishbīlya lil-Nashr wal-Tawzi‘.
- Soal Jawab Felo Hukum. t.t. “Hukum Gantung Gambar”. *Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah (e-SMAF)*. Diakses daripada [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/soal\\_jawab\\_felo\\_hukum/6](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/soal_jawab_felo_hukum/6).